



**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

SEMPENA

PELUNCURAN ARAHAN YAB PM NO.1 TAHUN 2023

8 JANUARI 2024 | ISNIN

HOTEL SAMA SAMA, KLIA SEPANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasoolil Kareem.

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara,

YBhg. Tan Sri Dato Sri Haji Azam bin Baki
Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia,

Peguam Negara,

Ketua Audit Negara,

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Inggeris,

dan rakan rakan yang saya muliakan.

1. Hari ini dengan kerjasama SPRM khususnya inisiatif atau ikhtiar untuk kita perkenalkan dan memberi penekanan tentang pentingnya isu tatakelola. Saya perluaskan konsep tatakelola dari konsep anti rasuah, kerana tatakelola skop pemeraksaannya lebih luas, iaitu mengelak pembaziran, ketirisan dan soal pertanggungjawaban. Sepertimana yang diungkapkan oleh Francis Fukuyama sebagai *democratic accountability*. Kita negara demokrasi, kita pilih pemimpin dan kita rasa mandat sudah diberikan dan setiap pemimpin akan diukur dan dinilai setelah 5 tahun. Tetapi itu bukan makna demokrasi sebenarnya. Dia *raison d'être* untuk *legitimacy*, pengabsahan pimpinan itu ialah pelaksanaan kata-kata. Terikat dengan prinsip perlembagaan, terikat dengan isu *governance* atau tatakelola yang baik dan inilah cabaran bagi kita.
2. Pada akhir tahun 60-an, Almarhum Tun Abdul Razak, Perdana Menteri ketika itu, menyebut cabaran Tanah Melayu pada ketika itu ada 3; *Communism, Communalism and Corruption*. Kata Tun Razak kita hadapi masalah 3C. Kita mungkin selesaikan ancaman komunis dengan kesedaran rakyat, komitmen tentera dan pasukan keselamatan polis, namun kita masih menghadapi isu perkauman atau *communism* dan *corruption* yang lebih membarah diserang oleh pemimpin kita ketika itu. Saya

mewakili pendapat yang menganggap bahawa rasuah di Malaysia sudah sampai ke tahap yang agak sistemik. Tidak disenangi oleh banyak pihak tetapi kenyataannya begitu. Dari atas sampai ke bawah, dari usaha memperolehi lesen kepada urusan ke pusat pengajian tinggi, semuanya ada sedikit sebanyak pengaruh yang sedemikian. Tanggungjawab kita bersama bukan sekadar meletakkan kesalahan kepada sesiapa tetapi komitmen untuk menjalankan pertanggungjawaban ini. Apa yang disebut sekali lagi, pertanggungjawaban dalam negara demokrasi atau *democratic accountability*.

3. Masalah rasuah ini berlaku di negara membangun dan sudah dapat diselesaikan dengan baik di negara maju adalah tidak benar. Saya ikuti laporan OECD Eropah dan pernah hadir sekejap beberapa tahun yang lalu dalam sidang mereka yang juga menjadikan isu rasuah ini lebih *sophisticated* atau canggih terutama dalam isu pembelian senjata. Di Amerika Syarikat mereka bicara tentang *institutionalized corruption*, K Street Washington DC di mana diasaskan oleh beberapa pusat dan syarikat *public relations* yang kerjanya melobi dan membayar ahli-ahli politik, tokoh-tokoh politik, kongres atau mendukung parti mereka dengan syarat dasar projek mereka diberikan. Ini semua pengajaran bagi kita.

4. Saya tidak mahu lontarkan sekali lagi iaitu menyingkap sejarah yang pernah saya sampaikan dulu. Dalam sejarah Islam kalau boleh saya ingatkan semula apa yang digesa oleh Abdul Rahman Ibn Khaldun dalam mukadimah tentang perbezaan dari '*Umran Badawi*' kepada '*Umran Hadhari*' peradaban *nomadic* Badawi kepada peradaban baru yang berteraskan kepada Kota Madinah seperti mana yang saya ungkapkan dalam MADANI iaitu peradaban yang perkuatkan idealisme yang ada *esprit de corps* di mana generasi awal bercita-cita untuk menjayakan negara membersihkan negara daripada pengaruh karut dan lapuk yang lalu dan membangun negara baru dengan lebih yakin.

5. Tetapi bibit-bibit kelemahan itu kemudian merasuk di kalangan pimpinan yang kemudian menimbulkan persepsi di kalangan rakyat bahawa kalau jadi pemimpin itu seharusnya kaya raya, jadi pemimpin itu seharusnya kebal daripada siasatan dan menjadi pemimpin itu seharusnya terlepas jadi apa-apa bentuk tindakan. Ini semua bibit-bibit yang kemudian menghancurkan dan meruntuhkan negara seperti mana dikupas oleh sejarahwan dan ahli sosiologi Abdul Rahman Ibnu Khaldun dalam mukadimah. Sebab itu bila saya diamanahkan dengan tugas ini, saya juga sedar ia bukan satu perkara yang mudah. Saya ucap terima kasih kepada KSN, Peguam Negara, SPRM, Ketua Audit dan

ramai rakan-rakan yang nampak komited dan sealiran untuk mengambil beberapa tindakan yang lebih tegas dan berani menyelamatkan negara daripada kebejatan yang terkait dengan isu tatakelola yang buruk dan rasuah yang membarah. Sepertimana saudara sedia maklum memang saya lontarkan isu tatakelola dan rasuah ini, meskipun begitu menyakitkan telinga beberapa kalangan yang tak suka langsung dengar isu tatakelola. Katanya "Anwar ni tak ada benda lain, tatakelola, tatakelola". Tapi dia lupa bahawa ini punca kita runtuh atau hampir lemah, ketimbang daripada negara lain ialah kerana kelemahan tatakelola.

6. Di dalam sesi lain, saya pernah melontarkan kajian yang dibuat oleh BCG tentang apa yang disebut tentang SEDA atau Sustainable Economic Development of Assessment. Kajian SEDA mendapati sejak 1999, 20 tahun yang lalu Malaysia mempunyai keupayaan untuk melonjak naik baik dari sudut ekonomi, kesihatan, pendidikan, prasarana dan keselesaan, namun pencapaian tersebut tidak merosot atau runtuh tetapi mendatar selama 20 tahun ketimbang negara-negara lain, Vietnam, Indonesia dan lain-lain di ASEAN. Ini menyebabkan atau menuntut kita melakukan beberapa tindakan yang lebih berani dan tegas. Seheinggakan ada kalangan mengatakan "Iyalah, dah jadi Perdana Menteri, Menteri Kewangan, takkan tak boleh

kaya? Bodoh lah kalau jadi Menteri Kewangan dan Perdana Menteri tak kaya dan tak jaga keluarga supaya kaya raya.” Ini persepsi yang diterima termasuk oleh elit politik, elit pentadbiran dan elit universiti di negara kita. Walaupun bukan semua tetapi ada, sebab tu beberapa kerenah, kerosakan dan skandal berskala besar yang berlaku di negara kita disebabkan kelesuan, kebisuan golongan elit yang secara menyeluruh. Kalau tidak, mana mungkin berlaku dengan begitu berleluasa sehinggalah keadaan tu dirasakan tenat, dihebahkan di luar negara barulah kita rasa sedikit terpanggil untuk mengambil tindakan.

7. Jadi saudara-saudara, sebab itu saya anggap langkah peluncuran bukan soal arahan Perdana Menteri yang diterima oleh Jemaah Menteri. Pemantapan tatakelola nasional ini merupakan satu langkah yang sangat penting untuk memberi mesej yang jelas kepada Jemaah Menteri, kepada pimpinan pentadbiran, kepada pimpinan seluruh syarikat-syarikat, terutama syarikat-syarikat kerajaan. Mereka tidak boleh anggap mereka punyai ruang dan berwenang untuk berbelanja dengan sesuka hati tanpa peraturan yang ketat dan dipantau dengan lebih teliti oleh bukan sahaja PACU, ICU, Kementerian Kewangan dan kini turut diselaraskan juga oleh Pantau Madani. Penyelarasan

ini adalah untuk memastikan apa yang diputuskan dalam arahan tatakelola ini dipatuhi dan dilaksanakan dan harus ada tindakan yang tegas dan keras sekiranya ada sebarang kecuaiian.

8. Saudara saudari, saya faham isu ini isu kontroversi kerana setiap kali tindakan diambil apa lagi kalau tindakan itu diambil terhadap tokoh-tokoh besar, ia menjadi kontroversi. Tokoh-tokoh ini punyai dana besar, punya pengaruh melalui media sosial dan tentunya akan mencabar kekuatan yang ada. Sebab itu arahan saya umum kepada SPRM, Jabatan Peguam negara atau Lembaga Hasil Dalam Negeri, biar ada data, fakta, alasan yang cukup dan kukuh dan sekiranya ada, saya tidak peduli kedudukannya, pengaruhnya, dananya tetapi tindakan tegas harus diambil. Dan kita telah mula, saya ucap tahniah kepada SPRM yang menunjukkan keberanian. Kalau tidak, apa yang berlaku seperti mana kejayaan PDRM baru-baru ini dalam kes dadah, ratusan ribu telah ditangkap. Siapa? Penagih. Puluhan ribu yang diambil. Siapa? Ejen-ejen kecil. Tetapi tauke-tauke besar yang terlibat membawa dana, untung ratusan juta ringgit dan kehilangan kerugian bebankan puluhan bilion ringgit yang kemudiannya memberi tekanan kepada Kerajaan membayar bilion ringgit untuk memulihkan keadaan ini, tidak disentuh. Kalau ditangkap

pun cepat dilepaskan. Itu baiknya pengalaman saya di Sungai Buloh. Ya, kerana saya pernah nampak orang besar ditangkap tapi cukup yakin mengatakan bahawa dia dalam 3-4 bulan boleh lepas maknanya ada andaian bahawa seluruh jenteranya, badan penguatkuasaan, badan perundangan dan badan kehakiman itu boleh dipengaruhi.

9. Alhamdulillah, sudah ada ketegasan sekarang dari Jabatan Peguam Negara, Badan Kehakiman dan Ketua Audit Negara. Ini bagi saya sangat perlu sekiranya kita serius untuk mengambil tindakan. Setiap kali tindakan tentu dikatakan, “ya, ini yang PDRM di sabah ya”. Sebab tu saya saban hari menyebut perkara ini sebagai contoh yang sangat baik kerana untungnya ratusan juta dan terlepas selama ini. Saya 5-6 tahun dulu saya dah tahu dah. Tapi sukar mengambil tindakan kerana kumpulan pro ini terlalu licik dan terlalu kuat pengaruhnya, menjalar di seluruh negeri. Hanya dengan komitmen dan kekuatan ini yang juga disebut soal nilai dalam MADANI, selain daripada tatakelola, kemampanan, Transisi Tenaga dan Transformasi Digital, soal nilai itu sangat penting. Jangan hanya bicara soal anti rasuah tetapi juga perlu dipersoal kepala bapak-bapak perasuah.

10. Saya masih ingat semasa saya mahasiswa, seorang pemimpin Thai setelah *coup de etat* dengan keputusan tekad membanteras rasuah. Semasa beliau digulingkan, dana daripada US masa itu 3 Juta Dollar masuk poket dia. Jadi kita tidak boleh terpukau dengan janji dan komitmen tetapi mesti dengan tindakan. Kalau saya sebagai Menteri Kewangan, kemudian saya ada Gedung-gedung berbilion ringgit, harta di merata dunia, bank di seluruh kota di Afrika, tidak ada yang berani menyoal selain bisik-bisikkan, tidak layak jadi pemimpin di negara ini. Kalau menjadi pemimpin mesti hadapi dengan apa juga risiko kerana wang dari anak-anak kita telah dirampas. Belanja sekolah, elaun untuk polis tambahan, elaun itu pasukan bomba, semua kita kena teliti secara terperinci. Untuk kenaikan gaji penjawat awam, perlu ada mesyuarat untuk teliti berapa boleh naik RM40, RM60. Orang ini sapu berbilion ringgit tak ada suara dan bukan sahaja begitu, ada yang pertahankan. “Sudahlah ni dah lama, orang tu pun dah tua dah.” Ada pula katakan “sudah, mengapa dendam?”
11. KSN maklum sebab dia dalam Jemaah Menteri, kalau di bawah pentadbiran saya sekiranya ada orang bagi tahu ada satu kes rasuah, percayalah saya tidak ada tolak ansur sama sekali. Tan Sri Azam tahu benar pendirian saya, sama ada dia di pihak parti yang menyokong saya atau

menentang, itu soal lain. Tidak mempengaruhi keputusan. Tapi saya keras akan hal ini dan kebetulan ini forum yang baik untuk saya jelaskan bahawa kalau kita tidak mula dengan berani, tidak mungkin kita selamatkan negara ini. Apa lagi di dunia Islam tidak banyak negara yang bicara soal tatakelola dan *good governance*. Dakwah menyeluruh, tazkirah setiap hari, setiap pagi di masjid, tapi bicara soal tatakelola, soal rasuah, penyalahgunaan kuasa amat sedikit. Ini yang dikatakan keperluan pencerahan bahawa soal rasuah ini bukan soal seseorang itu menjadi kaya tetapi soal dana negara itu dihanyutkan.

12. Saudara bayangkan kita bincang bantuan kepada orang miskin. Semalam hari Ahad kita ada perjumpaan dengan KSN dan beberapa orang pegawai. Berapa jumlah dana untuk membantu orang miskin setiap tahun di negara kita? Sekitar 22 Bilion Ringgit. 22 Bilion Ringgit itu kalau dibelanja langsung pada mereka dah selesai puluhan tahun dah. Tapi banyak ketirisan, banyak penyaluran untuk pelbagai jentera, pelbagai agensi dan kalau bercakap soal minyak, minyak masak itu satu hal, minyak diesel, sampai ke bot Siam di tengah laut. Semua ini berlaku kadangkala secara terang-terangan. Kontrak-kontrak besar kalau ikut rundingan terus bocornya itu mencecah berbilion ringgit. Saudara, saya tidak tahu tokok tambah, saya ada

tanggungjawab untuk pertahankan apa yang saya hujahkan. Bila kita batalkan umpamanya kontrak rundingan terus, setiap kontrak kita dapat jimat ratusan juta. Sama ada namanya Jana Wibawa atau Tebatan Banjir ke. Sampai bila kita nak biarkan begini? Dan mengapa harus isu seperti ini dipolitikkan?

13. Saudara dan kesetiaan kepada sesiapa itu masalah saudara. Saudara minat kepada mana-mana parti itu soal saudara, pilihan saudara tapi tidak boleh bicara soal nilai, soal agama, soal bangsa, soal budaya dan pertahankan pengkhianatan kepada bangsa, agama dan negara. Sebab itu saudara-saudara, saya sedia hadapi risiko kerana tindakan lebih keras ini menyebabkan kelompok ini berpakat, dia tidak boleh gugat pendirian saya.

Faidza 'azamta fatawakkal 'alallah. Innallaha yuhibbul mutawakkilin.

Maksudnya: Jika kamu telah bertekad kuat, maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang bertawakal (berserah diri kepada-Nya) – Surah Al Imran: 159.

14. Tetapi kalau itu, maknanya komitmen kita menuntut kita ambil tindakan. Saya sinis, kalau sebelum ini saudara-saudara yang mengikuti saya tahu, sama ada tatakelola

atau anti rasuah kerana kita lihat yang besar-besar itu terlepas. Mereka terlepas dengan begitu yakin sehingga kadang-kadang mereka bicara “Ini masalah kita ni rasuah harus diselamatkan” Siapa yang bicara ini? Jadi apa anggapan rakyat? Rakyat yang kurang cerdik ini tidak mengapa, yang cerdik-cerdik pun jadi bodoh belaka, dia hangguk belaka. Jadi apa yang telah jadi kepada kita? Apa makna pendidikan? Apa dia “*Addabani Rabbi Faahsana Ta’dibi*”? Pendidikan untuk memperbaiki akhlak dan nilai. Jadi percayalah peluncuran tatakelola ini bagi saya adalah satu keputusan yang baik yang harus dihadam dan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh.

15. Setelah menjalani pengalaman satu tahun dalam Kerajaan, saya syukur alhamdulillah kerana mempunyai barisan Jemaah Menteri dari pelbagai latar belakang parti, dengan penjawat awam, dengan badan-badan seperti SPRM, Jabatan Peguam Negara, Ketua Audit, nampak komitmen ke arah memperkasa tatakelola itu ada. Saya syukur alhamdulillah kerana ada kesediaan mereka untuk bawa perubahan ini. Tidak mungkin ada tindakan terhadap tokoh besar tanpa jentera. Laungan lontaran idea saya tidak akan bermakna kalau tidak ada komitmen dari mereka. Tidak mungkin ada tindakan kepada pengedar dadah besar di Sabah itu tanpa kecekalan dan keberanian PDRM. Saya

percaya itu satu permulaan penting dalam negara kita. Saya minta mereka teruskan. Selagi saya diberi mandat, Insha Allah saya akan pertahankan dengan sedaya upaya kita sebagaimana moto reformasi dulu berdasarkan ayat Al-Quran *“In uridu illal-islam mastata’tu.”* Doa Nabi Allah Syu'aib A.S. dalam Al-Quran, “Akan aku lakukan perubahan ke arah kebaikan sedaya upaya aku”.

16. Saya tegaskan dalam rumusan ini dengan menekankan kepentingan kita meningkatkan isu pertanggungjawaban atau akauntabiliti. Dan sefaham saya, orang Islam terutama Melayu ini, begitu sekali sehati kefahaman dia tentang tanggungjawab. Anak-anak kecil di sekolah pun dah baca, dah hafal *“Kullukum ra'in wa kullukum mas'ulun an ra-iiyyatihii”*. Saya kata baca dan hafal belum tentu amal. Maknanya tanggungjawab akan dipersoalkan. Saya pernah mempengerusikan badan yang disebut *World Accountability* yang berpusat di London. Eksekutifnya adalah Simon Sinek, dan saya bersama mantan Presiden Ireland Mary Robinson, tokoh wanita yang sangat dinamik. Saya sampaikan pidato tentang akauntabiliti dalam bidang antarabangsa dengan menggunakan tema Hadis *“Kullukum Ra'in Wa Kullukum Mas'ulun An Ra-iiyyatihii”* dan saya kata orang Islam daripada kecil dia tahu *accountability*, dia tahu *responsibility*. Tetapi bila disoal, saya kata belum tentu kita

boleh tunjukkan dengan negara yang menunjukkan kefahaman dan pelaksanaan prinsip *Public Accountability* ataupun yang diungkapkan oleh Fukuyama sebagai *democratic accountability*.

17. Mudah-mudahan Malaysia direstui Allah SWT, dapat mengangkat martabat negara dan rakyat, mencapai satu tahap kemajuan dalam erti kata yang sebenar. Kemajuan, kemampuan kita semua terikat kepada nilai. Tidak sama dengan pertimbangan yang materialistik, nilai insaniah, nilai ehsan dan rahmah kepada kita. Semua ini mestilah dalam pemerintahan, terikat dengan urusan tatakelola. Tatakelola ini mesti bermula dari atas. Tidak ada sebab atau pandangan bahawa seorang Perdana Menteri mesti berakhir dengan dana billion ringgit. Seorang Menteri Kewangan mesti berakhir, bersara setelah mengumpul puluhan bilion ringgit dan ini diampunkan oleh rakyat. Ini akan membawa malapetaka kepada negara kita. Jadi sebab itu saudara-saudara yang bertanggungjawab, silakan teruskan usaha, laksanakan sebaiknya. Semoga Allah merestui kerja amal kita.